

**Penggunaan 'Sistem Trek' Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mata
Pelajaran Sejarah Tingkatan Lima F (Nasionalisme Di Malaysia
Sehingga Perang Dunia Kedua)
Md.Arman @Jamaludin Ag.Damit**

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membantu pelajar menyusun fakta-fakta atau isi-isi penting Sejarah melalui penggunaan 'Sistem Trek' dan melalui kaedah ini akan menarik minat para pelajar untuk terus mempelajari mata pelajaran Sejarah. Tujuan kajian ini juga untuk memudahkan pelajar menerima isi-isi dalam sesuatu bab dengan jelas. Selain itu pelajar tidak menerima tekanan ketika sesi P&P kerana 'Sistem Trek' mempersembahkan fakta-fakta atau isi-isi dalam sesuatu bab dengan bahasa yang ringkas tetapi mudah difahami. Tinjauan awal mendapati masalah nota yang dibuat atau dihasilkan oleh pelajar tidak menarik dan kurang berkesan. Malahan keadaan ini sedikit sebanyak menyumbang kepada kemerosotan prestasi pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah.

Kajian ini tertumpu kepada 20 orang pelajar Tingkatan Lima F. Seramai 18 orang pelajar (90%) tidak menjawab soalan Bahagian B (esei) Sejarah Kertas 2 dalam Excel 1 Tahun 2008 yang memperuntukkan 60 markah. Hasil tinjauan dan pemerhatian menunjukkan pelajar daripada kumpulan ini tidak mempunyai nota Sejarah yang lengkap dan tersusun. Mereka hanya bergantung 100% kepada nota yang diberikan oleh guru. Melalui Penggunaan 'Sistem Trek', para pelajar perlu menguasai beberapa istilah iaitu '*Frame Track*', '*Main Track*', '*Track*', '*Sub Track*' dan '*Sub Track Point*'. Aplikasi Penggunaan Sistem Trek ini diharap dapat membantu para pelajar meningkatkan prestasi dan lebih bersikap positif terhadap pembelajaran Sejarah.

1.0 Refleksi P & P Lalu

Semasa menyemak kertas jawapan Peperiksaan Excel 1 untuk mata pelajaran Sejarah Kertas 2 pelajar Tingkatan 5 F, saya mendapati 90% pelajar tersebut tidak menjawab soalan esei (Bahagian B). Hanya 10% pelajar yang menjawab soalan bahagian ini dan jawapan mereka sangat terhad. Saya menyedari bahawa mereka tidak mampu menyatakan fakta-fakta atau isi-isi penting Sejarah walaupun nota telah diberikan sebelum ini. Saya cuba membantu mereka dengan mempelbagaikan teknik menulis nota termasuk dalam bentuk peta minda dan

akronim. Sekiranya perkara ini berterusan dan tidak diambil tindakan, sudah pasti pelajar kelas ini tidak dapat menjawab soalan esei dan ini menyebabkan kemerosotan GNP sekolah ini. Oleh yang demikian saya cuba mencari satu kaedah (aplikasi Sistem Trek) untuk menangani masalah pelajar-pelajar yang lemah dalam mengenal pasti fakta dalam bahan-bahan rujukan terutamanya buku teks Sejarah. Kaedah ini juga seterusnya mampu meningkatkan kefahaman dan daya ingatan mereka terhadap tajuk-tajuk yang diajar.

2.0 Isu Keprihatinan Yang Dikaji

Kajian tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kelemahan para pelajar Tingkatan 5F dalam menjawab soalan esei Sejarah. Apakah kelemahan ini disebabkan sikap pelajar yang malas membaca buku teks atau nota yang mereka hasilkan tidak menarik minat mereka? Persoalan ini telah membuka ruang untuk saya mengesan kelemahan dan keperluan untuk menyelesaikan masalah ini. Di samping itu juga majoriti para pelajar kelas ini tidak mempunyai buku rujukan dan terdapat juga beberapa pelajar yang tidak mempunyai buku teks Sejarah. Sedangkan 100% soalan peperiksaan adalah berfokus kepada bahan-bahan yang terdapat dalam buku teks. Natijahnya, para pelajar tidak dapat menjawab soalan esei kerana mereka tidak membaca buku teks atau buku rujukan atau nota. Penggunaan Sistem Trek ini mampu memaparkan fakta-fakta atau isi-isi yang ringkas, padat dan menarik.

Fokus Kajian

Sungguhpun saya mendapati banyak masalah yang dihadapi oleh para pelajar Tingkatan 5F, fokus kajian saya ini tertumpu kepada masalah menyusun fakta-fakta atau isi-isi sejarah mengikut keutamaan. Menerusi penggunaan Sistem Trek ini, saya percaya dapat membantu pelajar menyusun fakta-fakta atau isi-isi sesuatu tajuk penting. Kaedah ini seterusnya diharap dapat membantu mereka lulus dengan memuaskan bagi kertas Sejarah SPM. Hal ini juga dapat membantu memperbaiki peratus kelulusan mata pelajaran Sejarah di sekolah ini.

3.0 Objektif Kajian

Selepas kajian ini selesai dijalankan, adalah diharapkan pelajar dapat mencapai objektif berikut:

i. Objektif Umum:

- Meningkatkan peratus kelulusan mata pelajaran Sejarah.

ii. Objektif Khusus:

- Membantu pelajar mengenalpasti fakta-fakta penting sesuatu tajuk.
- Meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar tentang tajuk-tajuk yang diajarkan.
- Memudahkan pelajar-pelajar mengingat fakta-fakta penting.
- Meningkatkan peratus pelajar yang mendapat markah yang memuaskan bagi mata pelajaran Sejarah.

4.0 Kumpulan Sasaran

Kajian ini melibatkan seramai 20 orang pelajar Tingkatan 5F iaitu terdiri daripada 10 pelajar perempuan dan 10 pelajar lelaki. Kumpulan ini terdiri daripada dalam kalangan bumiputera dan kategori pelajar lemah.

Tindakan yang dicadangkan.

i) Tinjauan masalah :

Sebelum meneruskan langkah-langkah dalam menjalankan kajian, tinjauan masalah yang dikenalpasti akan dijalankan bagi tujuan untuk memahami dengan lebih mendalam masalah tersebut. Tinjauan dilakukan dengan mengutip data seperti yang berikut:

- Latihan struktur berdasarkan tajuk yang telah diajarkan bagi mengesan peratus kefahaman pelajar.
- Latihan esei bagi mengesan penguasaan pelajar tentang tajuk yang diajarkan.
- Ujian bulanan setiap kali habis sesuatu bab.

ii) Program:

Penggunaan 'Sistem Trek'.

Cara Perlaksanaan:

- Guru meminta pelajar mencatat fakta-fakta tentang Nasionalisme Di Malaysia Sehingga Perang Dunia Kedua daripada buku teks yang dibaca serta mencatat dalam buku catatan.
- Guru meminta pelajar menulis fakta-fakta yang mereka catat dalam buku catatan ke dalam kertas edaran Sistem Trek.

- Murid diminta mencipta Sistem Trek untuk sub topik yang terdapat dalam tajuk tersebut.
- Selepas 3 minggu pelajar akan menggabungkan fakta-fakta sejarah sub-sub topik untuk dijadikan Sistem Trek yang lengkap.

Guru menguji ingatan dan pengetahuan pelajar dengan mengadakan Ujian Bulanan

Jadual Pelaksanaan

BIL	AKTIVITI	TARIKH PERLAKSANAAN
01	Mengenal pasti masalah.	05.04.2008
02	Menulis proposal kajian.	07.04.2008
03	Merancang tindakan.	14.04.2008
04	Melaksanakan tindakan.	Jun 2008
05	Membincangkan masalah yang timbul	Jun 2008
06	Ujian untuk mengesan pencapaian murid.	Julai 2008
07	Refleksi kajian	Julai 2008
08	Menulis Laporan	Okt. 2008
09	Pembentangan dapatan kajian.	1 Nov 2008

5.0 Pelaksanaan Kajian

Pada 24 Jun 2008 saya telah menjalankan kaji selidik dengan menggunakan borang soal selidik untuk mendapatkan sedikit maklumat (lihat lampiran). Jawapan yang kami mahukan daripada pelajar ialah “Ya” atau “ Tidak”. Soalan yang diberikan dalam kaji selidik tersebut bertumpu kepada tiga bahagian;

- a. Kefahaman tentang Bahagian B (Esei) Sejarah IKertas 2 SPM
- b. Penggunaan nota, buku teks dan buku rujukan
- c. Kemahiran menyusun fakta-fakta atau isi-isi penting sejarah.

5.1 Tinjauan Masalah

Beberapa masalah telah dikenalpasti terutamanya dari segi kehadiran pelajar. Pengkaji telah mengurangkan jumlah responden daripada 27 kepada 20 orang pelajar memandangkan 7 orang pelajar kerap tidak hadir ke sekolah. Pengkaji telah membuat analisis bilangan pelajar yang menjawab soalan Bahagian B Kertas 2

sejarah berdasarkan Peperiksaan Excel 1. Didapati hanya 10 % sahaja pelajar yang menjawab soalan manakala sebaliknya tidak menjawab soalan ini. Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji telah mengkategorikan bahawa pelajar Tingkatan 5F tidak mampu menjawab soalan bahagian B yang memerlukan jawapan dalam bentuk esei. Pengkaji juga hubungkait antara masalah ini dengan bahan bacaan para pelajar iaitu nota, buku teks atau buku rujukan.

5.2 Analisis Tinjauan Masalah

a. Kefahaman Tentang Bahagian B Sejarah kertas 2 SPM.

Bil	Kefahaman Tentang Bahagian B (Esei) Sejarah Kertas 2 SPM	% Setuju	
		Perempuan	Lelaki
1	Saya mengetahui bentuk soalan Sejarah Bahagian B kertas 2	70	50
2	Saya mengetahui markah yang diperuntukan untuk setiap soalan.	80	50
3	Saya mempunyai maklumat untuk menjawab setiap soalan dalam bahagian B	30	10
4	Saya menganggap soalan bahagian B sukar untuk dijawab.	100	100
5	Adakah anda menjawab soalan bahagian B Kertas 2 Sejarah?	30	10

Jadual 1 : Peratus perbandingan pelajar perempuan dan lelaki mengenai kefahaman tentang soalan Bahagian B kertas 2 Sejarah SPM.

Hasil soal selidik mendapati 8 orang pelajar (40%) masih tidak mengetahui bentuk soalan Sejarah Bahagian B kertas 2 termasuk jumlah soalan yang perlu dijawab. Di samping itu juga terdapat pelajar yang tidak mengetahui nisbah soalan Tingkatan 4 dan 5 walaupun perkara ini telah dimaklumkan kepada pelajar semasa Tingkatan 4 lagi. Kurang prihatin dan kurang peka terhadap format soalan menyebabkan 35% pelajar tidak tahu jumlah markah yang diperuntukkan untuk setiap soalan. Item 3 & 4 iaitu mempunyai maklumat untuk menjawab dan menganggap soalan bahagian B sukar, didapati 100% pelajar menganggap soalan Bahagian B sukar tetapi mereka tidak mempunyai maklumat untuk menjawab. Hanya 15 % yang mempunyai maklumat untuk menjawab walaupun tidak lengkap dan membaca nota atau buku teks atau buku rujukan. Kecenderungan pelajar yang tidak membaca secara relatifnya tidak akan dapat menjawab soalan.

b. Penggunaan nota, buku teks atau buku rujukan.

Bil	Penggunaan nota, buku teks atau buku rujukan	% Setuju	
		Perempuan	Lelaki
1	Adakah anda mempunyai nota, buku teks atau buku rujukan?	100	50
2	Adakah anda membaca nota, buku teks atau buku rujukan?	100	50
3	Adakah anda memahami fakta-fakta atau isi-isi yang dibaca?	50	10
4	Adakah anda mengingati fakta-fakta atau isi-isi yang dibaca?	30	10
5	Adakah anda merasakan nota, buku teks atau buku rujukan penting?	100	100

Jadual 2 : Peratus perbandingan pelajar perempuan dan lelaki mengenai Penggunaan nota, buku teks atau buku rujukan.

Dalam kajian ini, berdasarkan item 1 & 2 pelajar perempuan (100%) mempunyai nota, buku teks atau buku rujukan dan membaca bahan-bahan tersebut berbanding pelajar lelaki hanya 50% yang memiliki nota, buku teks atau buku rujukan dan membacanya. Di samping itu, hanya 30% sahaja yang memahami apa yang dibaca dan 20% yang mengingati apa yang dibaca. Walau bagaimanapun semua pelajar menganggap bahawa nota, buku teks atau buku rujukan adalah penting.

c. Penggunaan nota, buku teks atau buku rujukan

Bil	Kemahiran menyusun fakta-fakta / isi-isi sejarah	% Setuju	
		Perempuan	Lelaki
1	Adakah anda suka nota yang menarik?	100	100
2	Adakah penggunaan Sistem Trek membantu anda dalam menghasilkan nota yang menarik?	100	90
3	Adakah penggunaan Sistem Trek dapat membantu anda menyusun fakta-fakta atau isi-isi sejarah?	100	100
4	Adakah penggunaan <i>Main Track</i> , <i>Track</i> , <i>Sub Track</i> dan <i>Sub Track Point</i> dalam Sistem Trek dapat membantu anda membezakan fakta-fakta atau isi-isi	100	90

	penting atau sampingan?		
5	Adakah penggunaan Sistem Trek ini membolehkan anda menguasai fakta-fakta atau isi-isi sesuatu bab dengan mudah, ringkas dan padat?	100	90
6	Adakah penggunaan Sistem Trek ini memudahkan anda mengingati fakta-fakta atau isi-isi penting sejarah?	70	50
7	Penggunaan Sistem Trek ini menjimatkan masa dan memudahkan anda membuat ulangkaji.	100	100
8	Adakah penggunaan Sistem Trek ini memudahkan guru dan pelajar menghabiskan sukatan pelajaran?	100	90
9	Adakah penggunaan Sistem Trek ini boleh membantu anda menjawab soalan esei?	70	40
10	Adakah anda suka penggunaan Sistem Trek?	100	100

Jadual 3: Peratus perbandingan pelajar perempuan dan lelaki mengenai kemahiran menyusun fakta-fakta atau isi-isi sejarah SPM.

Majoriti responden menyatakan bahawa mereka suka nota yang menarik. Begitu juga penggunaan Sistem Trek membantu pelajar menghasilkan nota yang menarik. Para pelajar juga bersetuju bahawa penggunaan Sistem Trek dapat membantu mereka menyusun fakta-fakta atau isi-isi dan memudahkan mereka membezakan fakta-fakta atau isi-isi penting dan sampingan. Berdasarkan item 5 & 7 majoriti responden juga setuju bahawa penggunaan Sistem Trek ini membolehkan mereka menguasai sesuatu bab dengan mudah dan dapat menjimatkan masa. Ini terbukti dengan sehelai kertas pelajar boleh mengetahui semua fakta-fakta atau isi-isi yang terdapat dalam satu bab yang dipelajari. Namun untuk kumpulan pelajar ini, penggunaan Sistem Trek masih tidak boleh membantu mereka 100% untuk menjawab soalan esei. Walau bagaimanapun semua responden bersetuju bahawa mereka menyukai penggunaan Sistem Trek dalam menghasilkan nota yang ringkas dan padat.

5. 3 Tindakan Yang Dijalankan

Sebagai langkah pertama dalam P&P, ialah memaklumkan kepada pelajar masalah yang dikenal pasti dan menjelaskan kepada mereka kepentingan dan kelebihan sekiranya mereka menggunakan Sistem Trek untuk menyusun fakta-fakta atau isi-isi sejarah. Kemudian guru menerangkan konsep Sistem Trek yang mengandungi *Main Track, Track, Sub Track dan Sub Track Point*.

Aktiviti 1

- i. Pada setiap pengajaran dan pembelajaran guru mengarahkan pelajar membaca buku teks atau buku rujukan.
- ii. Guru akan mengedarkan *Frame Track* iaitu keseluruhan Sistem Trek untuk gambaran awal sesuatu bab.
- iii. Pelajar akan mengisi fakta-fakta atau isi-isi penting dalam *Main Track* dan *Track*.

Aktiviti 2

- i. Guru mengarahkan pelajar membaca buku teks atau buku rujukan untuk kali kedua.
- ii. Pelajar akan mengisi ruangan Sub Track dan Sub Track Point melalui teknik sumbangsaran atau perbincangan.
- iii. Guru akan menerangkan dengan lebih lanjut fakta-fakta atau isi-isi kepada para pelajar.
- iv. Pelajar akan melengkapkan keseluruhan trek untuk menghasilkan Sistem Trek yang sempurna.

5.4 Pelaksanaan Tindakan dan Pemerhatian/Penilaian

Aktiviti dijalankan dalam tempoh 2 minggu di mana pelajar diarahkan membaca sepenuhnya bab yang dikaji (Nasionalisme Di Malaysia Sehingga Perang Dunia Kedua). Seterusnya pelajar dikehendaki mengisi ruang yang terdapat dalam Sistem Trek melalui aktiviti perbincangan dan sumbangsaran. Pelajar juga digalakkan menggunakan singkatan untuk mebolehkan ruangan mencukupi.

5.5 Refleksi kajian

5.5.1 Refleksi kajian terhadap pelajar

Setelah semua aktiviti selesai dijalankan didapati pelajar kurang mahir melengkapkan dan menyusun fakta-fakta atau isi terutamanya untuk '*Sub Track*' dan '*Sub Track Point*'. Selain itu pelajar juga masih keliru untuk membezakan antara fakta dan huraian. Tambahan pula dalam buku teks terdapat percampuran antara fakta-fakta dan huraian. Proses mengenal pasti fakta dan isi ini mengambil masa yang lama untuk kumpulan sasaran ini. Daripada guru pula, sebelum memulakan proses P&P guru sepatutnya memastikan pelajar membawa buku teks atau rujukan. Penggunaan buku teks Sejarah juga sangat penting malah perlu dibekalkan kepada setiap pelajar.

5.5.2 Refleksi kajian terhadap guru

Penilaian pencapaian pelajar

Secara keseluruhan berdasarkan dapatan kajian dan pemerhatian yang telah dibuat terhadap 20 orang pelajar yang dipilih sebagai sample kajian, menunjukkan mereka ini berminat dan mempunyai kesungguhan menggunakan Sistem Trek dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Mereka lebih yakin berbanding pada masa dahulu. Mereka kini lebih yakin bahawa dengan hanya 9 helai kertas sudah mencukupi untuk menguasai 9 bab yang diajar di Tingkatan 5. Berdasarkan Peperiksaan Pertengahan Tahun 2008, didapati 50 % responden telah cuba menjawab soalan bahagian B Sejarah Kertas 2. Ini menunjukkan mereka lebih bersedia dan menggunakan Sistem Trek ini dalam memperolehi maklumat. Tahap pencapaian pelajar Tingkatan 5F yang terlibat dalam kajian ini adalah lemah dan menyukarkan pengkaji menetapkan 100% peningkatan prestasi mereka.

Rumusan Pemerhatian

Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bahawa matapelajaran Sejarah bukanlah satu mata pelajaran yang sukar untuk dipelajari. Sistem Trek boleh dijadikan model oleh guru-guru lain untuk menghabiskan silibus dalam masa yang singkat. Malahan penggunaan Sistem Trek dalam pembelajaran Sejarah memberi impak yang positif dari sudut masa, kos dan ruang kerana ia ringkas dan jimat. Di samping itu, guru mudah menyampaikan isi-isi sesuatu bab dengan jelas. Pelajar mudah menghafal isi-isi dalam sesuatu bab dan tahu gambaran jelas tentang sesuatu bab yang bakal dipelajari. Para pelajar juga didedahkan dengan cara membezakan antara isi dengan maklumat tambahan yang hanya berbentuk penerangan dan contoh.

6.0 Cadangan

Kajian tindakan ini lebih tertumpu kepada permasalahan pelajar dalam menjawab soalan bahagian B Sejarah SPM. Kajian ini diharap dapat memberikan manfaat dan sebagai sumber inspirasi kepada kajian-kajian lain yang lebih mencabar dan telus. Pengkaji merasakan Penggunaan Sistem Trek ini diperluaskan kepada pelajar menengah bawah untuk memudahkan proses P&P dan memotivasikan guru dan pelajar dalam meminati matapelajaran Sejarah.

Bibliografi

- 1 Sejarah Tingkatan Lima, Az-Zahra Enterprise, Mohamad Zaini Bin Subin, Tahun 2004
- 2 Sejarah Tingkatan Lima, Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000